

02/10/2000

Cuepacs cadang kadar pengiraan pencen diubah

KUALA LUMPUR, Ahad - Kongres Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) mencadangkan supaya kadar pengiraan pencen diubah, iaitu tertakluk kepada maksimum sebanyak 3/4 daripada gaji yang akhir diterima, berbanding separuh sekarang.

Jika semakan itu diterima, setiap anggota perkhidmatan awam memerlukan tempoh perkhidmatan yang boleh dimasukkan kira bagi faedah persaraan selama 37 tahun enam bulan (450 bulan).

"Kenaikan kadar pencen ini adalah sebanyak 25 peratus daripada kadar sedia ada. Dengan ini, boleh dikatakan hampir semua anggota perkhidmatan awam berpeluang mengambil kira keseluruhan tempoh perkhidmatannya bagi faedah persaraan.

"Disyorkan juga, semua faedah persaraan dalam Akta 227 yang menggunakan perkataan 'tetapi terhad kepada 1/2 daripada gaji akhir' hendaklah diubah/di selaras semula sebagaimana yang dicadangkan iaitu 3/4 daripada gaji yang akhir diterima," kata Cuepacs.

Ini adalah antara cadangan Cuepacs dalam memorandum yang diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini.

Cuepacs berpendapat pengiraan pencen mengikut Seksyen 4 (1)(a) Peraturan-peraturan Pencen 1980, iaitu '1/600 x jumlah genapnya bulan perkhidmatan yang boleh dimasukkan kira x gaji yang akhir diterima, tertakluk kepada maksimum sebanyak setengah daripada gaji akhir diterimanya,' diubah kepada '1/600 x jumlah genapnya bulan perkhidmatan yang boleh dimasukkan kira x gaji yang akhir diterima, tertakluk kepada maksimum sebanyak 3/4 daripada gaji yang akhir diterima.'

Cuepacs berpendapat ini kerana jika seseorang mula berkhidmat pada umur 18 tahun dan bersara pada umur 55 tahun, perkhidmatan penuhnya ialah 37 tahun sedangkan untuk mendapat pencen maksimum 3/4 daripada gaji akhir diterima memerlukan perkhidmatan selama 37 tahun enam bulan.

"Ini bermakna keseluruhan perkhidmatan boleh dikira bagi faedah pencen sebagaimana yang pernah diluluskan kerajaan sebelum ini dan ditarik balik," katanya.

(END)